

**THE CONCEPT OF CUPPING AS A TREATMENT FOR DISEASES ACCORDING TO  
IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH IN THE BOOK *TIBB AN-NABAWI***

**KONSEP BEKAM SEBAGAI TERAPI RAWATAN PENYAKIT MENURUT IBNU QAYYIM  
AL-JAWZIYYAH DALAM KITAB *TIBB AN-NABAWI***

Muhammad Hafiz Rosli<sup>i</sup>, Muhammad Yusri Yusof @ Salleh<sup>ii</sup> &  
Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin<sup>iii</sup>

- <sup>i</sup> Postgraduate Student, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UITM), Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Perak. hafizcaster94@gmail.com  
<sup>ii</sup> (*Corresponding author*). Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UITM), Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Perak. yusri613@uitm.edu.my  
<sup>iii</sup> Senior Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UITM), Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Perak. mohdz560@uitm.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>Cupping is one of the traditional treatments that has been practiced for ages. However, nowadays, cupping practices are limited to Muslims who are exposed to healing practices in accordance with the Sunnah. Islam highly encourages cupping based on the command of Prophet Muhammad in his sayings. Furthermore, numerous writings and literature discuss cupping from a Sunnah perspective, with one notable figure being Ibn Qayyim al-Jawziyyah. He was a great religious scholar known for his profound knowledge, and he produced a book that can serve as a reference for practitioners of Sunnah medicine, especially in the implementation of cupping as a therapy and treatment for diseases. Therefore, this study aims to elucidate the method of cupping practice as therapy according to Ibn Qayyim al-Jawziyyah, focusing on his book <i>Tibb an-nabawi</i>. This work is one of his books in the field of Sunnah medicine. Data collection was conducted using a document analysis approach by examining the book <i>Tibb an-nabawi</i>. Through this study, it was found that cupping therapy is recommended as a treatment for both spiritual and physical diseases. However, cupping therapy should be promoted as a treatment within the community, and its usage should be expanded not only for physical ailments but also as a therapy for diseases originating from sorcery.</i></p> <p><i>Keywords: Fiqh, Cupping, Therapy, Ibn Qayyim, Tibb an-Nabawi.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Bekam adalah salah satu rawatan tradisional yang telah lama dipraktikkan sejak zaman berzaman. Namun begitu, dewasa ini praktik bekam hanya terhad kepada orang Islam yang terdedah kepada amalan pengubatan secara sunnah sahaja. Islam amat menggalakkan berbekam berdasarkan perintah Nabi Muhammad di dalam sabdaannya. Selain itu, banyak penulisan-penulisan serta literatur yang membicarakan tentang bekam dalam perspektif sunnah, antaranya adalah Ibnu Qayyim al-Jawziyyah. Beliau adalah seorang tokoh agamawan yang hebat dan tinggi ilmu telah menghasilkan sebuah kitab yang boleh dijadikan sebagai rujukan kepada para pengamal perubatan sunnah khususnya dalam melaksanakan praktik bekam sebagai terapi dan rawatan penyakit. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk menjelaskan kaedah praktik bekam sebagai terapi menurut Ibnu Qayyim al-Jawziyyah dengan</i></p>

	<p>memfokuskan kajian terhadap kitab beliau <i>Tibb an-nabawi</i>. Karya ini merupakan salah satu kitab karangan beliau dalam ilmu perubatan sunnah. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan pendekatan analisis dokumen iaitu dengan mengkaji kitab <i>Tibb an-nabawi</i>. Menerusi kajian ini, didapati terapi bekam adalah antara terapi yang dicadangkan untuk digunakan sebagai rawatan bagi penyakit rohani dan jasmani. Namun, terapi bekam mestilah dipopularkan sebagai sebuah terapi merawat penyakit dalam kalangan masyarakat dan memperluaskan lagi penggunaannya bukan sahaja untuk penyakit jasmani tetapi sebagai terapi merawat penyakit yang berpunca dari ilmu sihir.</p> <p><i>Kata Kunci: Fiqh, Bekam, Terapi, Ibn Qayyim, Tibb an-Nabawi.</i></p>
--	---

## PENDAHULUAN

Dewasa kini, kehidupan manusia banyak terpengaruh dengan zaman kemodenan yang berteraskan kemajuan teknologi. Seiring dengan berkembangnya pembangunan teknologi, dunia menjadi bertambah maju dan canggih (Ahmad Najaa' et al., 2018). Kepesatan kemajuan teknologi ini juga secara tidak langsung memberikan impak yang positif kepada bidang perubatan konvensional (Ahmad Najaa' et al., 2018). Keadaan ini dapat dilihat dengan adanya peralatan-peralatan canggih yang disediakan di hospital sebagai salah satu cara untuk meningkatkan lagi kualiti rawatan dalam merawat penyakit yang dihadapi dalam kalangan masyarakat. Namun secara tidak langsung, kemajuan dalam bidang perubatan ini sedikit sebanyak menjadi agen penyumbang kepada pembangunan serta perkembangan perubatan tradisional (Ahmad Najaa' et al., 2018).

Sebelum wujudnya rawatan konvensional, perubatan tradisional atau komplementari menjadi rawatan utama dan terbaik untuk merawat penyakit (Hakmi et al., 2022). Antaranya adalah dengan terapi bekam (Hakmi et al., 2022). Bekam, al-Hijamah ataupun Cupping adalah salah satu terapi yang digunakan untuk mengeluarkan penyakit atau racun yang ada didalam badan manusia dengan mengeluarkan darah kotor dari bawah kulit (Ahmad Ali, 2013; Hanik et al., 2019). Dahulu pengamal terapi bekam menggunakan tanduk kerbau, tanduk sapi, tulang unta dan gading gajah sebagai alat untuk mengeluarkan darah kotor keluar dari badan (Ahmad Razak, 2012).

Kini, dengan adanya perkembangan teknologi moden, alatan bekam juga telah ditransformasikan dengan menggunakan bekas kaca atau plastik dan penyedutan darah juga menggunakan mesin elektronik atau penembak tekanan udara bagi menggantikan penggunaan api. Hal ini menyebabkan proses pembekaman menjadi lebih selamat, mudah dan efisien. Dengan itu, terapi bekam mendapat sambutan baik dalam kalangan masyarakat sehingga banyak pusat-pusat rawatan malahan individu-individu yang mempraktikkan terapi bekam ini. Tetapi masih terdapat pengamal yang tidak mengetahui teknik serta pengamalan bekam yang benar mengikut saranan nabi Muhammad saw yang di kenali sebagai *Tibb an-Nabawi*. Antara ulama yang mempelopori berkaitan rawatan penyakit dengan cara nabi ini adalah Ibnu Qayyim al-Jawziyyah dalam kitab beliau *Tibb an-Nabawi*.

Oleh itu, kajian ini akan menjelaskan bagaimana konsep terapi bekam bagi merawat penyakit yang disarankan oleh Ibnu Qayyim Al-Jawziyyah dalam kitab beliau *Tibb an-Nabawi*.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan analisis dokumen sebagai instrumen asas. Kitab *Tibb an-Nabawi* dijadikan dokumen yang dianalisis, selain daripada beberapa penulisan jurnal dan buku berkaitan Kitab *Tibb an-Nabawi* dan pengarangnya Ibnu Qayyim al-Jawziyyah. Pentemaan dibuat secara manual berkaitan konsep bekam sebagai terapi rawatan penyakit yang terdapat dalam Kitab *Tibb an-Nabawi*.

### **BIOGRAFI IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH**

Beliau adalah seorang Imam al-Muhaqqiq al-Hafiz al-Ussuli al-Faqih Muhammad bin Abu Bakar bin Sa'ad bin Haris Az-Zari' al-Damsyiqi al-Hanbali (Bakr, 1423H). Beliau diberi gelaran sebagai Syamsuddin dan kunyahnya adalah Abu Abdullah. Beliau masyhur dengan panggilan Ibn Qayyim al-Jawziyyah (Ibn Qayyim, 2004). *Al-Jawziyyah* pada namanya adalah merujuk kepada sebuah sekolah beraliran *al-Hanabilah* yang terbesar telah didirikan oleh Muhyiddin bin Hafiz bin Faraj Abdurrahman al-Jawzi yang terletak di Damsyiq atau dikenali sebagai Damaskus di negara Syiria (Ibn Rajab, 2005). Sekolah ini diuruskan oleh beberapa orang pengurus. Antaranya ialah ayahanda beliau Qayyim al-Jawziyyah (Ibn Qayyim, 2011). Di samping itu, ayahanda beliau merupakan seorang yang soleh dan sangat taat dalam beribadah, beliau meninggal dunia pada hari Ahad tanggal 19 Dzulhijjah tahun 723 H di sekolah al-Jawziyyah (Ibn Hajar & Ahmad, 1972). Kata al-Jawzi pada nama Ibn Qayyim juga adalah merujuk kepada sebuah nama tempat yang terletak di Basrah dan ada juga yang berpendapat bahawa nama ini merujuk kepada kepompong (ulat sutera) dan penjualnya (Ahmad Farid, 2006).

Menurut Mansyur (1999), Ash-Shafadi salah seorang murid kepada Ibn Qayyim menyatakan bahawa, beliau telah dilahirkan pada tanggal 7 Safar tahun 691 H/ 9 Januari 1292 M (Ibn Kathir, 2018). Pendapat ini juga disokong oleh Ibnu Thagri Birdi, Dawari dan as-Suyuti (Ahmad Farid, 2006). Ibn Qayyim dilahirkan dalam keluarga yang sangat mencintai ilmu pengetahuan dan ilmu-ilmu agama (Ibn Qayyim, 2004). Tempat kelahirannya adalah di sebuah kampung bernama Zir' salah satu desa di wilayah Hawarith, yang terletak kira-kira lima puluh lima batu jauhnya di sebelah tenggara Kota Damsyik (Ibn Qayyim, 2004). Ibnu Qayyim meninggal dunia pada malam Khamis 13 Rejab semasa azan solat Isya' berkumandang pada tahun 751 H/1350 M pada usia 60 tahun (Ibn Rajab, 2005). Jenazah beliau disolatkan pada hari berikutnya selepas solat Zuhur di Masjid al-Umawiyah dan kemudiannya di Masjid Jamek Jarah. Setelah selesai disolatkan, beliau dimakamkan di perkuburan *al-Bab al-Shaghir* di sebelah makam ayahanda beliau (Ibn Qayyim, 2011).

### **PERJALANAN MENUNTUT ILMU, GURU-GURU DAN MURID IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH**

Ibn Qayyim adalah seorang yang berkeperibadian cinta akan ilmu pengetahuan (Bakhtiar, 2011). Jati diri beliau dipupuk sejak kecil lagi, hasil asuhan dan bimbingan ayahanda beliau (Ibn Qayyim, 2004). Sejak berusia tujuh tahun, Ibn Qayyim sangat gemar menuntut ilmu sehingga beliau dikenali kerana kesungguhan dan kegigihannya dalam melakukan penyelidikan dan kajian bahkan sangat tekun mendalami ilmu perubatan pada usia yang sangat muda (Ibn Qayyim, 2010). Dalam diari menuntut ilmu, pada awalnya beliau dibimbing sendiri oleh ayahnya yang soleh, Syeikh Qayyim al-Jawziyyah. Daripada ayahnya, beliau mempelajari ilmu Faraid dan sangat mahir dalam ilmu tersebut (Ibn Qayyim, 2004). Selain ayahnya, beliau juga banyak menuntut ilmu dengan Al-Shihab yang dikenali sebagai seorang ahli ta'bir mimpi yang wafat pada tahun 697 H (Ibn Qayyim, 2010; Ahmad Sunarto, 2014).

Dalam kisah pendidikannya, banyak ulama-ulama yang menjadi guru beliau antaranya adalah Syeikh Shihab al-Nablusi, al-Qadi Taqiyuddin ibn Sulaiman, Abu Bakr ibn Abd al-Daim, Isa al-Muth'im, Ismail ibn Maktum, Fatimah binti Jawhar (Ibn Qayyim, 2000). Beliau banyak mendengar hadis-hadis dari gurunya tersebut. Selain itu, beliau juga memperkukuhkan ilmu bahasa Arab dengan mengambil ilmu tersebut daripada Syeikh Ibnu Abi Fattah al-Ba'li dengan bertalaqqi kitab *al-Mulakkhas* karya Abu al-Baqa', kitab *al-Jurjaniyyah*, *Alfiyyah Ibn Malik* dan membaca sebahagian besar kitab *al-Kafiyah as-Syafiyyah* dan sebahagian kitab *At-Tashil* (Ibn Qayyim, 2000). Beliau juga bertalaqqi ilmu Usul Fiqh dengan Syeikh Sofiyuddin al-Hindi, Syeikhul Islam Ibn Taymiyyah dan Syeikh Ismail ibn Muhammad al-Harani. Pada ulama-ulama ini, beliau menghabiskan waktu dengan membaca dan bertalaqqi beberapa kitab. Antaranya kitab *ar-Rawdah* karya Ibn Qudamah al-Maqdisi, *al-Ihkam* karya al-Amidi, *al-Muhasal*, *al-Maushul*, *al-Arba'in* karya ar-Razi, *al-Muharrar Fi al-Hadis* karya Ibn Qudamah al-Maqdisi dan kitab *al-Muharrar* Ibn

Taymiyyah (Ibn Qayyim, 2000). Antara guru beliau yang paling di lazimi oleh beliau adalah Ibn Taymiyyah sehinggakan banyak meninggalkan pengaruh dalam dirinya (al-Safadi, 2009). Beliau juga telah menguasai pelbagai ilmu tersebut pada usia sebelum 19 tahun (Bakr, 1423H).

Ibn Qayyim tidak seperti ulama-ulama lain, dalam menuntut ilmu sering melakukan perjalanan jauh untuk mencari ilmu. Oleh itu, beliau tidak terkenal dalam hal tersebut. Hal ini kerana Ibn Qayyim hidup pada zaman penulisan ilmu telah berkembang pesat. Kedua, Damaskus sendiri adalah pusat ilmu pada zaman tersebut (Bakhtiar, 2011). Ini terbukti dengan adanya madrasah, perguruan tinggi, perpustakaan dan ulama-ulama besar semuanya menetap di Damsyik (Bakhtiar, 2011). Ketiga, Ibn Qayyim hidup di persekitaran ilmiah yang sangat ketat dalam disiplin pengajian ilmu, khususnya dalam mazhab Hanbali. Maka, hal ini menjadi bukti kebanyakan sejarawan menganggap bahawa Ibn Qayyim tidak melakukan permusafiran keluar Damsyik untuk mencari ilmu. Antara sebab lain yang terpenting bagi mereka yang mengatakan hal demikian adalah disebabkan oleh Ibn Taymiyyah, guru terbaik beliau juga bermastautin di Damsyik (Bakr, 1423H).

Namun, pendapat ini tidak selamanya benar. Terdapat beberapa bukti sejarah yang boleh dijadikan sebagai penanda aras bahawa Ibn Qayyim pernah melakukan perjalanan dalam menuntut ilmu. Ibn Qayyim sering bermusafir ke Kaherah di Mesir untuk menuntut ilmu serta berbincang, berdiskusi bersama ulama di sana (Bakr, 1423H). Ibn Qayyim juga menyebutkan hal itu dalam kitab beliau *Hidayah al-Khiyari* tentang lawatan beliau ke Kaherah untuk menuntut ilmu:

*“Aku mengikuti salah satu munazarah (dialog) di Mesir bersama salah seorang ilmuwan dan tokoh Yahudi”* (Ibn Qayyim, 1396H).

Tidak hanya berhenti di Kaherah, beliau juga pernah berkunjung ke Baitul Maqdis dan Mekah. Semasa kunjungannya ke Mekah, beliau mendapat banyak pelajaran yang berharga berkaitan dengan kehidupan, spiritual dan tasawuf. Beliau juga sangat kagum dengan kekuasaan Allah SWT yang diterjemahkan melalui air Zamzam. Air ini telah menjadi ubat yang mujarab semasa beliau meminumnya ketika sakit (Bakr, 1423H). Di Mekah beliau sering melakukan ibadah haji dan bermukim di sana sehinggakan menurut Ibn Rajab, penduduk Mekah sangat kagum dengan ketekunan beliau beribadah dan melakukan tawaf (Ibn Qayyim, 2010).

Di samping perjalanan ke Mekah yang jauh dari keluarga dan tanah kelahirannya, ini juga memberikan impak yang positif kepada pembentukan pemikiran baru kepada beliau. Daripada perjalanan inilah, beliau mendapat ilham dan idea yang baru sehinggakan beliau menulis kitab-kitab hasil dari perjalanan tersebut. Antara kitab yang telah ditulis adalah *Kitab Miftah Dar al-Sa'adah wa Mansyur Wilayah al-Ilmu wa al-Iradah*, adalah salah satu kitab yang ditulisnya ketika berada di Mekah. Selain itu, seperti *Rawdah al-Muhibbin wa Nuzhah al-Mushtaqin, Zad al-Ma'ad Hadi Khair al-Ibad, Bada'i' al-Fawa'id, dan Tahdhib Sunan Abu Daud* (Bakr, 1423).

Sebagai seorang ulama yang terkenal dengan kepakaran dalam pelbagai ilmu, beliau di kelilingi oleh ramai orang yang berguru dan mempelajari pelbagai bidang yang dimilikinya. Antara anak murid beliau yang masyhur ialah: Anak beliau Ibrahim dan Syarafuddin Abdullah (Ibn Qayyim, 2004). Salah seorang anak beliau iaitu Syarafuddin mengantikan beliau sebagai guru di Sadariyyah setelah beliau meninggal dunia (Syarafuddin, 1984). Zayn al-Din Ibn Rahab al-Hanbali, tokoh mazhab Hanbali dan penulis kitab *Tabaqat al-Hanabilah*, al-Hafiz Imaduddin Ismail bin Umar bin Kathir, tokoh ilmu hadis dan sejarah, pengarang kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah*, Ibn Hajar al-Asqalani, tokoh hadis dan pengarang kitab *al-Durar al-Kaminah*, al-Zahabi pengarang kitab *al-Mu'jam al-Mukhtass Li al-Muhaddithin* serta Ibn Abd Al-Hadi (Ibn Qayyim, 2004).

### **KEPERIBADIAN IBN QAYYIM**

Ibn Kathir (2018) dalam kitab *al-Bidayah wa al-Nihayah* menulis tentang susuk tubuh gurunya menyatakan bahawa Ibn Qayyim ialah seorang yang fasih membaca al-Quran, berakhlak mulia serta penuh dengan sifat kasih sayang. Tidak pernah mempunyai hasad dengki sesama manusia, tidak pernah memburuk-burukkan orang lain. Tidak pernah mengganggu orang lain dan keseluruhan peribadinya dihiasi dengan sifat-sifat yang indah dan menawan. Selain itu, Ibn Rejab juga menceritakan tentang Ibn Qayyim dalam kitabnya *al-Dhul 'ala Tabaqat* Ibn Qayyim ialah seorang ahli ibadat, sering bangun malam, selalu solat dalam waktu yang lama, banya berzikir, bertaubat dan membaca istighfar (Ibn Rajab, 2005). Begitu juga dengan Ibn Hajar, mengatakan bahawa apabila dia (Ibn Qayyim) solat subuh, beliau akan duduk berzikir di tempatnya sehingga matahari meninggi. Dalam pertuturan sehari-hari, beliau berbicara dengan amat lemah lembut dan penuh dengan kesabaran dan merupakan seorang pemimpin dalam hal agama (Ibn Hajar, 1972). Lebih terserlah lagi keindahan serta kejernihan hati Ibn Qayyim apabila beliau membicarakan tentang adab sesama manusia dalam tulisan beliau:

*“Sesiapa sahaja yang telah berbuat jahat kepadamu, kemudian ia datang meminta maaf, maka wajib bagimu untuk memaafkannya, sama ada ia dalam keadaan salah atau pun benar. Serahkanlah kejahatannya kepada Allah SWT, sebagaimana yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW kepada orang-orang munafik ketika mereka mengingkari janji mereka dalam peperangan. Setelah selesai perang, mereka pun datang keada Rasulullah SAW untuk meminta maaf. Beliau pun memaafkan mereka dan menyerahkan kejahatan mereka kepada Allah SWT” (Ibn Qayyim, 1973).*

Dari segi keperibadian, beliau sangat tegas, berani, berhati teguh, tidak mudah dipengaruhi walaupun itu adalah pendapat yang dikeluarkan oleh gurunya, Ibn Taymiyyah. Dalam menuntut ilmu dengan gurunya, beliau selalu berdialog untuk mempertahankan pendapatnya khususnya apabila ia memiliki bukti (dalil) yang kukuh (Abd Fattah, 1982). Oleh kerana sikap dan watak beliau begitu, beliau dan gurunya Ibnu Taymiyyah seringkali menerima ujian dari pemerintah pada zaman itu. Di samping itu juga, berkali-kali mereka berdua menerima hinaan dan seksaan sehingga mereka dipenjarakan di ruangan yang berbeza. Keadaan ini berlarutan sehingga Ibn Taymiyyah meninggal dunia barulah Ibn Qayyim dibebaskan dari penjara (Ibn Rajab, 2005). Antara sebab yang menjadi punca Ibn Qayyim diperlakukan sedemikian rupa kerana sikap beliau yang tidak menyetujui praktik ziarah ke makam al-Khalil yang dilakukan oleh masyarakat pada zamannya (al-Zahabi, 1988).

### **KARYA-KARYA IBN QAYYIM**

Ibn Qayyim al-Jawziyyah merupakan ulama yang sangat produktif dan aktif dalam menulis ilmu-ilmu yang telah beliau belajar. Beliau menulis dalam pelbagai disiplin ilmu. Termasuk dalam bidang tauhid, fikah, Usul Fikah, tasawuf, ilmu kalam, sirah dan sejarah (Rizal, 2017). Namun, terdapat perbezaan pendapat pengarang atau pengkaji sejarah biografi Ibn Qayyim sama ada dari segi judul kitab mahupun bilangan kitab yang di karang oleh beliau. Antara sebab utama perbezaan pendapat ini berlaku adalah disebabkan beberapa perkara antaranya:

1. Setelah beliau menamakan sesebuah kitab, beliau akan mengisytiharkan kitab tersebut kepada beberapa kitab yang dikarang oleh beliau berdasarkan topik perbahasan kitab, dan bukannya berdasarkan nama kitab tersebut (Bakr, 1423H). Sebagai contoh kitab *Jala' al-Afham fi al-Salat wa Al-Salam ala Khayr al-Anam*. Pada muqaddimah kitab ini, beliau menyebutkan nama tersebut sebagai nama kitabnya (Ibn Qayyim, 1987), tetapi dalam kitab *Badai al-Fawaaid*, beliau menamakan kitab ini dengan nama *Ta'zim Sha'n al-Salat ala al-Nabi Salla Allah 'Alayh wa Sallam* (Ibn Qayyim, 1996).

2. Ada juga beberapa karangan beliau yang dinamakan hanya dengan gabungan dua kalimat sahaja. Terdapat juga pengarang menjadikan setiap kalimat itu nama kitab yang berasingan. Contohnya kitab *Rawdah al-Muhibbin wa Nuzhah al-Mushtaqin* beberapa penulis menyebutkan bahawa Ibn Qayyim mempunyai kitab yang bertajuk *Rawdah al-Muhibbin* dan kitab lain *Nuzhah al-Mushtaqin* (Bakr, 1423).
3. Selain itu ada juga kitab yang tidak dinamakan oleh Ibn Qayyim, tetapi selepas di cetak, beliau menamakan kitab tersebut sesuai dengan topik yang dibahaskan di dalam kitab tersebut. Namun, hal yang sama berlaku apabila kitab tersebut di cetak lagi, kitab tersebut tidak lagi menggunakan nama asalnya, Ibn Qayyim akan memebrikan nama lain pada buku yang di cetak pada kali kedua tersebut. Seperti kitab *al-Da' wa al-Dawa'* (Ibn Qayyim, 1429). Kemudian muncul lagi cetakan lain bagi kitab tersebut, namun diberikan juga nama yang berbeza iaitu *al-Jawab al-Kafi Liman Sa'ala an- al-Dawa' al-Shafi* (Ibn Qayyim, 1985, Bakr, 1423).

Namun, hasil daripada penyelidikan yang dilakukan oleh Bakr Abdullah Abu Zayd (1423H), beliau menyakatan bahawa penulisan Ibn Qayyim dalam pelbagai bidang ilmu adalah sebanyak 98 buah buku. Antara karya-karya beliau mengikut pelbagai ilmu dapat diringkaskan seperti berikut:

No	Bidang	Judul kitab
1	Tasawuf	<i>Madarij al-Salikin</i> syarah daripada kitab Manazil al-Sairin karya al-Hawari
		<i>Uddah al-Sabirin wa Dakhirah al-Shakirin</i> (Ibn Qayyim, 1989).
		<i>Rawdah al-Muhibbin wa Nizhah al-Mushtaqin</i> (Ibn Qayyim, 1992).
		<i>Tariq al-Hijratyn wa Bab al-Sa'adatayn</i> (Ibn Qayyim, 1994).
2	Ilmu kalam	<i>Shifa' al-'Alil fi Masail al-Qada' wa al-Qadar wa Hikmah wa al-Ta'lil.</i>
		<i>Al-Sawaiq al-Mursalalah ala al-Jahmiyyah wa al-Mu'attilah</i> (Ibn Qayyim, 1998).
		<i>Ijma' al-Juyush al-Islamiyyah ala Ghazw al-Mu'attilah wa al-Jahmiyyah</i> (Ibn Qayyim, 1988).
		<i>Al-Kifayah al-Shafiyah fi al-Intisar li al Forqah al-Najiyah.</i>
		<i>Al-Ruh</i> (Ibn Qayyim, 1975).
		<i>Hadi al-Arwah ila Bilad al-Afrah</i> (Ibn Qayyim, t.t).
		<i>Miftah Dar al-Sa'adah wa manshur Wilayah Ilm wa al-Iradah</i> (Ibn Qayyim, t.t)
3	Sirah	<i>Zad al-Ma'ad fi Huda Khayr al-Ibad</i> (Ibn Qayyim, 2000).
		<i>Akhbar al-Nisa'</i>
4	Ilmu Tafsir	<i>Al-Tibyan fi Aqsam al-Quran</i> (Ibn Qayyim, t.t).
		<i>Tafsir al-Muawwizatain</i>
		<i>Tafsir surah al-Fatihah.</i>
5	Ilmu Hadis	<i>Tahdhib al-Sunan li Abi Dawud</i>
		<i>Wabil Al-Sayyib min al-Kalim al-Tayyib</i> (Ibn Qayyim, 1985).
		<i>Al-Da'i ila Ashraf al-Musa'i.</i>
6	Fikah dan Usul Fikah	<i>I'lam al-Muwaqqi'in an Rabb al-Alamin</i> (Ibn Qayyim, 1973).
		<i>Al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Shar'iyyah</i> (Ibn Qayyim, t.t).
		<i>Al-Salat wa Hukm Tarihiha</i> (Ibn Qayyim, 1996).
		<i>Tuhfah al-Maudud bi Ahkam al-Maulud</i> (Ibn Qayyim, 1971).
		<i>Bayan al-Dalil 'an Isrigna' al-Musabaqah 'an al-Tahlil.</i>
<i>Al-Tahlil Fi ma Yahill wa Yahrum min Libas al-Harir</i> dan sebagainya (Hijazi, 1972).		
7	Bahasa Arab dan Balaghah	<i>Badai Al-Fawaid</i>
		<i>Al-Fawaid Al-Mushawwiq Ila Ulum Al-Quran Wa Ilm Bayan</i> (Ibn Qayyim, 1973).

Jadual 1: Penulisan Ibn Qayyim Al-Jawziyyah.

### **PENGENALAN KITAB *TIBB AN-NABAWI* KARANGAN IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH**

Kitab ini adalah sebahagian daripada kitab *Zaadul Ma'ad fi Hadyi Khairil Ibad* (Ibn Qayyim, 2004). Isi kandungannya terbahagi kepada empat bahagian. Bahagian pertama ialah bab muqaddimah, bahagian kedua ialah bab penggunaan ubat-ubatan semula jadi untuk merawat penyakit, bahagian ketiga adalah bab petunjuk nabi mengenai rawatan dengan perubatan kerohanian secara tunggal, gabungan dan ubat-ubatan semula jadi. Manakala yang keempat adalah bab mengenai ubat-ubatan dan makanan tunggal yang disebut oleh Nabi Muhammad SAW menjadi ubat dan penawar kepada penyakit yang disusun mengikut abjad Arab. Setelah itu, pada bab muqaddimah terdapat 3 fasal. Bab yang kedua terdapat 40 fasal, bab ketiga terdapat 25 fasal manakala bab terakhir terdapat 95 bahan atau makanan yang disusun mengikut abjad.

Pada bab yang pertama iaitu bab muqaddimah, Ibn Qayyim menceritakan tentang tujuan beliau menulis kitab *Tibb an-nabawi*. Tujuannya adalah memperkenalkan pengubatan yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW kepada masyarakat sebagai salah satu kaedah rawatan apabila menghadapi sesuatu penyakit (Ibn Qayyim, 2004). Penyakit diterangkan oleh Ibn Qayyim terbahagi kepada dua. Penyakit hati, penyakit jasmani dan penyakit fizikal dan bukan penyakit fizikal. Menurut Ibn Qayyim, penyakit fizikal adalah penyakit yang disebabkan oleh makanan yang masuk kedalam tubuh secara berlebihan. Penyakit bukan fizikal pula adalah penyakit seperti luka, wabak, sihir dan sebagainya (Ibn Qayyim, 2000). Disamping itu, beliau juga menjelaskan hikmah dan kebaikan pengubatan cara Nabi yang sangat berbeza berbanding ilmu kedokteran moden (Ibn Qayyim, 2000). Selain itu, dalam muqaddimah juga Ibn Qayyim menjelaskan kaedah pengubatan Nabi. Kaedah pengubatan Nabi terbahagi kepada tiga. Pertama, menggunakan ubat-ubatan semula jadi. Kedua menggunakan ubat-ubatan *Ilahiyyah*. Ketiga kombinasi kedua-dua kaedah tersebut (Ibn Qayyim, 2000). Lalu penulisan kitab ini dimulakan dengan penjelasan tentang penggunaan ubat-ubatan semulajadi yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW sendiri, kemudian penggunaan ubat-ubatan bersumberkan *Ilahiyyah* dan seterusnya penjelasan kombinasi dari kedua-dua kaedah tersebut.

Seterusnya pada bab kedua adalah berkaitan dengan penggunaan ubat-ubatan semula jadi untuk merawat penyakit. Fasal pertama di dalam bab ini adalah cara merawat demam panas dan fasal yang terakhir dalam bab ini adalah berkaitan cara menghilangkan kutu di kepala. Penyakit yang dinyatakan didalam bab ini adalah penyakit jasmani, ada yang berbentuk fizikal dan bukan fizikal. Sebagai contoh penyakit berbentuk fizikal adalah seperti penyakit sembelit. Manakala penyakit bukan fizikal adalah seperti penyakit yang disebabkan sihir. Antara kaedah penyembuhan yang jelaskan bagi merawat penyakit dalam bab ini adalah dengan menggunakan madu, air Zam-zam, bekam, Kay, Abu dan sebagainya. Ada juga Ibn Qayyim memasukkan elemen-elemen *Ilahiyyah* seperti doa untuk merawat jerawat dan sebagainya.

Seterusnya bab yang ketiga adalah petunjuk nabi mengenai rawatan dengan perubatan kerohanian secara tunggal, gabungan dan ubat-ubatan semula jadi. Dalam bab ini fasal pertamanya dimulakan dengan penyakit Ain dan berakhir dengan fasal menjaga kesihatan mata. Penyakit yang dijelaskan dalam bab ini kebanyakannya berkaitan dengan penyakit-penyakit bukan fizikal. Semua penyakit ini dijelaskan cara pengobatannya dengan menggunakan perubatan rohaniah secara tunggal, iaitu hanya dengan ruqyah dan doa sahaja, ada juga dengan gabungan doa dan bahan-bahan tertentu seperti rawatan luka dengan menggunakan tanah dan doa dan ada juga menggunakan bahan semula jadi seperti garam, cuka, kayu dan sebagainya.

Bab yang terakhir dalam kitab ini adalah mengenai ubat-ubatan dan makanan tunggal yang disebut oleh Nabi Muhammad SAW boleh menjadi ubat dan penawar kepada penyakit yang disusun mengikut abjad arab. Bermula dari "*Hamzah*" sehingga huruf "*Yaa*" seperti buah, bijian, daging, minyak, pakaian, air, susu dan bacaan Surah al-Fatihah. Ubatan ini adalah petunjuk daripada Nabi Muhammad SAW dan ada yang disebut dalam al-Quran. Setiap fasal dan bab penulisan kitab ini, Ibn Qayyum meletakkan hadis dan ayat al-Quran sebagai sumber rujukan utama, lalu beliau menerangkan bagaimana sesuatu benda,

makanan, barangan dan doa serta ruqyah tersebut digunakan menurut kaedah pengubatan Nabi daripada perspektif hadis dan perubatan.

### **TERAPI BEKAM MENURUT PERSPEKTIF HADIS**

Terapi bekam adalah suatu rawatan atau kaedah penyembuhan yang telah digunakan oleh masyarakat dunia sebelum kedatangan Islam (Wadda' 2016). Terapi ini boleh merawat pelbagai penyakit (Ibn Qayyim, 2004). Rawatan ini juga telah lama digunakan oleh bangsa Arab sehingga mendapat perhatian dan saranan daripada nabi untuk merawat penyakit dengan menggunakannya (Syafiya, 2018). Walaupun baginda bukan seorang pengamal terapi bekam, namun baginda banyak menyarankan dan mengajarkan kaedah-kaedah berbekam dengan benar dan betul seperti pemilihan tempat bekam dengan melihat pada titik-titik yang penting (Syafiya, 2018). Hal ini boleh dilihat melalui hadis baginda sebagai bukti saranan kepada umat supaya merawat penyakit dengan berbekam. Antara hadis-hadis keutamaan bekam adalah seperti berikut:

1. Hadis riwayat Imam al-Tirmidhiyy (no. 2052); Abu Isa berkata, hadis ini hasan gharib dari riwayat Ibn Mas'ud).

{ حدثنا أحمد بن بديل بن قريش اليامي الكوفي حدثنا محمد بن فضيل حدثنا عبد الرحمن بن إسحاق عن القاسم بن عبد الرحمن هو ابن عبد الله بن مسعود عن أبيه عن ابن مسعود قال حدث رسول الله صلى الله عليه وسلم عن ليلة أسري به أنه لم يمر على ملائكة إلا أمره أن مر أمتك بالحجامة قال أبو عيسى وهذا حديث حسن غريب من حديث ابن مسعود }

Maksudnya: *Ahmad bin Budail bin Quraisy al-Yami al-Kufi menyampaikan kepada kami dari Muhammad bin Fudhail, dari Abdurrahman bin Ishaq yang mengkhabarkan dari al-Qasim bin Abdurrahman bin Abdullah bin Mas'ud dari ayahnya bahawa Ibnu Mas'ud berkata, "Rasulullah SAW pernah menyampaikan tentang peristiwa malam ketika beliau melakukan Israk Mikraj. Baginda SAW mengatakan bahawa setiap kali melewati sekumpulan malaikat, mereka semua menyuruh Baginda SAW, "Perintahkanlah kepada umatmu untuk berbekam".*

2. Hadis riwayat Imam al-Bukhari (no. 5681).

{ حدثني محمد بن عبد الرحيم : أخبرنا سريج بن يونس أبو الحارث : حدثنا مروان بن شجاع عن سالم الأفتس عن سعيد بن جبير عن ابن عباس عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : الشفاء في ثلاثة : في شربة محجم ، أو شربة عسل ، أو كية بنار ، وأنا أنهى أمتي عن الكي }

Maksudnya: *Muhammad bin Abdurrahim menyampaikan kepada kami dari Suraij bin Yunus, Abu al-Harits, dari Marwan bin Syuja', dari Salim al-Afthas, dari Sa'id bin Jubair dari Ibn Abbas bahawa Rasulullah SAW bersabda: Kesembuhan itu ada pada tiga perkara: Iaitu torehan bekam, minum madu, dan pengubatan menggunakan besi panas, tetapi aku melarang umatku melakukan pengubatan dengan besi panas.*

3. Hadis riwayat Abu Daud (no. 3857); al-Munziri menyatakan isnadnya sahih atau hasan dalam *al-Tarhib wa al-Tarhib*).

{ حدثنا موسى بن إسماعيل حدثنا حماد عن محمد بن عمرو عن أبي سلمة عن أبي هريرة أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : إن كان في شيء مما تداويتم به خير فالحجامة }

Maksudnya: *Musa bin Ismail menyampaikan kepada kami dari Hammad, dari Muhammad bin 'Amr, dari Abu Salamah, dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah saw. bersabda: Jika ada sesuatu yang baik dari pengubatan yang kalian lakukan, maka itu adalah bekam.*

4. Hadis riwayat Ibn Majah (no. 3476); al-Albani menarafkaan hadis ini sebagai sahih dalam Sahih Ibn Majah).

{حدثنا أبو بكر بن أبي شيبة حدثنا أسود بن عامر حدثنا حماد بن سلمة عن محمد بن عمرو عن أبي سلمة عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال : إن كان في شيء مما تداوون به خير فالحجامة}

Maksudnya: *Abu Bakar bin Abu Syaibah menyampaikan kepada kami dari Aswad bin Amir, dari Hammad bin Salamah, dari Muhammad bin Amr, dari Abu Salamah dari Abu Hurairah dari Rasulullah SAW bersabda: Jika ada kebaikan pada sesuatu perkara yang kalian gunakan untuk berubat, nescaya itu adalah bekam.*

#### **TERAPI BEKAM SEBAGAI TERAPI RAWATAN PENYAKIT MENURUT PERSPEKTIF IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH**

Dalam sahih Bukhari terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda terdapat tiga cara untuk mendapat kesembuhan daripada penyakit, antaranya adalah dengan berbekam (Bukhari, 2011). Menurut Ibn Qayyim, bekam adalah proses yang dilakukan untuk mengeluarkan darah kotor daripada anggota badan (Ibn Qayyim, 2004). Selain itu, menerusi hadis yang disampaikan oleh Ibn Majah yang diriwayatkan oleh Jubarah bin al-Mughallis, perintah melakukan bekam adalah semasa nabi melakukan perjalanan Israk dan Mikraj (Ibn Majah, 2013). Pada hal pengambilan upah untuk pembekam, nabi juga tidak melarang pembekam mengambil upahnya selepas melakukan pembekaman, hal ini kerana nabi sendiri memberikan upah kepada Abu Thayyibah selepas berbekam dengannya (Bukhari, 2011).

#### **Waktu dan Hari-Hari yang Sesuai untuk Melakukan Terapi Bekam.**

Dalam kitab *Tibb an-Nabawi* karangan Ibn Qayyim, beliau menjelaskan terapi bekam mempunyai waktu-waktu dan hari-hari tertentu yang disarankan untuk berbekam atau tidak. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Hari-hari berbekam yang dianjurkan oleh Nabi ;
  - a. Dianjurkan berbekam pada hari ke 17,19 dan 21 bulan Hijriah. Imam at-Tirmizi meriwayatkan sebuah hadis daripada Ibn Abbas secara marfu':

{إن خير ما تحتجمون فيه يوم سابع عشرة أو تابع عشرة، ويوم إحدى وعشرين}

Maksudnya: *Sesungguhnya hari yang terbaik bagi kalian melakukan bekam adalah pada hari yang ke 17,19 dan 21* (Hadis. al-Tirmidhiyy. no. 2051; Al-Albani menarafkannya sebagai Sahih dalam *Sahih al-Jami'*).

- b. Dalam Sunan Ibn Majah yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik secara marfu':  
{من أراد الحجامة: فليتحر سبعة عشر ، أو تسعة عشر ، أو إحدى وعشرين ؛ ولا يتبيغ بأحدكم الدم ، فيقتله}

Maksudnya: *Barangsiapa yang ingin melakukan pembekaman, hendaklah memilih hari yang ke 17, 19 atau 21. Jangan sampai mengalami ketidakstabilan darah, kerana itu boleh menyebabkan kematian* (Hadis. Ibn Majah, no. 3486; Al-Albani menarafkannya sebagai Sahih dalam *Sahih al-Jami'*).

- c. Abu Daud juga menyatakan perihal yang sama berkaitan hari yang dianjurkan berbekam daripada hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah secara marfu' iaitu:  
{من احتجم لسبع عشرة ، أو تسع عشرة ، أو إحدى وعشرين كانت شفاء من كل داء}

Maksudnya: *Barang siapa yang melakukan bekam pada hari ke 17, 19 atau 21, maka itu akan menjadi ubat segala penyakit* (Hadis. Abu Daud. no. 3861; al-Nawawi dalam *al-Majmu'* menarafkaan isnad hadis ini sebagai *hasan ala syart muslim*, 9/62).

- d. Ibn Majah juga meriwayatkan sebuah hadis berkenaan hari yang boleh untuk berbekam iaitu:

{من حديث نافع قال: قال لي عبد الله بن عمر: تبيغ بي الدم، فابغ لي حجاما، ولا يكن صبيا ولا شيخا كبيرا، فإني سمعت رسول الله يقول الحجامه تزيد الحافظ حفظا، والعاقل عقلا، فاحتجموا على اسم الله تعالى، ولا تحتجموا الخميس، والجمعة، والسبت، والأحد، واحتجموا الاثنين، وما كان من جذام، ولا برص، إلا نزل يوم الأربعاء }

Maksudnya: *Dari hadis Nafi' berkata: telah berkata kepada ku Abdullah bin Umar: darah ku tidak stabil, tolong panggilkan seseorang tukang bekam. Tetapi janganlah dia dari kalangan kanak-kanak dan jangan lah darim kalangan orang tua. Sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Bekam itu dapat menambahkan kesihatan tubuh badan, boleh menambah kekuatan akal fikiran. Maka berbekamlah dengan menyebut nama Allah SWT, dan janganlah kalian berbekam pada hari Khamis, Jumaat, Sabtu dan Ahad. Tetapi berbekamlah pada hari Isnin. Dan tidaklah penyakit kusta dan sopak itu diturunkan melainkan pada hari Rabu (Hadis. Ibn Majah, no. 3487; al-Arnaut menararkannya sebagai *dai'f* dalam takhrij *Zad al-Ma'ad*, 4/56).*

Daripada hadis-hadis yang dikemukakan, Ibn Qayyim menyatakan bahawa pembekaman yang dilakukan pada hari-hari tersebut sangat baik dan berkesan bagi merawat penyakit yang berpunca daripada darah kotor pada anggota badan (Ibn Qayyim, 2004). Selain itu, hadis-hadis ini juga relevan dengan kajian-kajian perubatan moden yang mengiktiraf terapi bekam, juga menyatakan bahawa pembekaman yang dilakukan pada pertengahan bulan lebih baik daripada dilakukan pada awal bulan atau akhir bulan (Ibn Qayyim, 2004).

2. Boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja. Hal ini Ibn Qayyim mengambil pendapat yang diutarakan oleh Al-Khallal bahawa Imam Ahmad bin Hambal sering berbekam sewaktu darahnya bergejolak dan pada bila-bila masa sahaja (Ibn Qayyim, 2004).
3. Dilakukan pada siang hari. Ibn Qayyim megambil pendapat daripada penulis al-Qanun iaitu Ibn Sina mengatakab bahawa, waktu berbekam yang terbaik adalah dilakukan pada waktu siang hari sekitar pukul dua hingga pukul tiga petang. Disamping itu, dianjurkan juga untuk mandi dengan air panas. Ini bertujuan supaya liang-liang roma kulit mengembang dan memudahkan pengeluaran darah ketika proses pembekaman dilakukan (Ibn Qayyim, 2004).

### **Waktu dan Hari-Hari yang Tidak Sesuai untuk Melakukan Terapi Bekam**

Selain daripada waktu yang sesuai untuk berbekam, Ibn Qayyim juga menyatakan dalam kitab beliau waktu-waktu dan hari yang tidak sesuai untuk melakukan terapi bekam. Hari-hari dan waktu tersebut adalah seperti berikut:

1. Hari Rabu, Jumaat dan Sabtu: Ibn Qayyim menulis didalam kitab beliau, bahawa al-Khallil menyebutkan tentang hari-hari yang makruh atau tidak sesuai untuk berbekam dalam kitab beliau *al-Jami'* melalui sebuah riwayat Harb bin Ismail mengatakan bahawa Imam Ahmad menyebut hari-hari yang makruh untuk berbekam adalah pada hari Rabu dan Sabtu. Senada dengan itu, sebuah riwayat lain dari Al-Hussain bin Hissan menyebut hari tersebut ialah hari Jumaat (Ibn Qayyim, 2004).
2. Hari Khamis, Jumaat, sabtu dan Ahad.

{من حديث نافع قال: قال لي عبد الله بن عمر: تبيغ بي الدم، فابغ لي حجاما، ولا يكن صبيا ولا شيخا كبيرا، فإني سمعت رسول الله يقول الحجاماة تزيد الحافظ حفظا، والعاقل عقلا، فاحتجموا على اسم الله تعالى، ولا تحتجموا الخميس، والجمعة، والسبت، والأحد، واحتجموا الاثنين، وما كان من جذام، ولا برص، إلا نزل يوم الأربعاء}

Maksudnya: Dari hadis Nafi' berkata: telah berkata kepada ku Abdullah bin Umar: darah ku tidak stabil, tolong panggilkan seseorang tukang bekam. Tetapi janganlah dia dari kalangan kanak-kanak dan jangan lah darim kalangan orang tua. Sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Bekam itu dapat menambahkan kesihatan tubuh badan, boleh menambah kekuatan akal fikiran. Maka berbekamlah dengan menyebut nama Allah SWT, dan janganlah kalian berbekam pada hari Khamis, Jumaat, Sabtu dan Ahad. Tetapi berbekamlah pada hari Isnin. Dan tidaklah penyakit kusta dan sopak itu diturunkan melainkan pada hari Rabu (Hadis. Ibn Majah. No. 3487; Al-Arnaut menararkannya sebagai *daif* dalam takhrij *Zad al-Ma'ad*, 4/56).

### Titik-titik Bekam Pada Anggota Badan dan Penyakit yang Dirawat

Dalam membicarakan tentang titik-titik bekam, Ibn Qayyim mengambil rujukan daripada hadis nabi, pendapat pakar ilmu perubatan dan ulama-ulama lain juga menulis berkaitan Thib Nabawi seperti Ibn Sina dan Abu Nu'aim al-Asbahani. Titik-titik bekam tersebut, juga memiliki manfaat penyembuhan bagi penyakit-penyakit tertentu. Nama-nama titik bekam dan keupayaannya merawat penyakit adalah seperti berikut:

No	Titik bekam	Penyakit
1	<i>Al-Kahil</i>	Sakit bahu dan leher
2	<i>Al-Akhda'in</i>	Sakit kepala, wajah, kedua telinga, mata hidung dan rahang dan melancarkan peredaran darah.
3	<i>Ala Ra'si</i>	Migrain/ pening
4	<i>Ala Wark</i>	Lenguh-lenguh sendi
5.	<i>Al-Qomahduwah</i>	Menyembuhkan lima penyakit antaranya kusta, rabun dan penyakit mata yang lain.
6	Bawah dagu	Merawat penyakit pada wajah, gigi dan halkum. Jika dilakukan sesuai dengan masanya dan profesional, boleh membersihkan darah pada kepala dan tapak tangan.
7	<i>Ala Zahri al-Qadami</i>	Boleh menyucikan darah pada urat <i>Shaa'fin</i> , urat besar di tapak kaki. Mengatasi penyakit kudis di paha dan betis dan gatal-gatal di kemaluan.
8	Bawah dada	Mengatasi bisul di paha, kudis dan jerawat, penyakit, gout, penyakit kaki gajah, buasir dan gatal di bahagian belakang badan.

Jadual 2: Titik Bekam Dan Rawatan Penyakit

### KESIMPULAN

Dalam menyingkapi konsep bekam daripada perspektif Ibn Qayyim Al-Jawziyyah, terdapat beberapa perkara yang menjadi asas utama penggunaan bekam sebagai terapi merawat penyakit. Antaranya berkaitan waktu-waktu berbekam dan titik-titik berbekam. Penjelasan berkaitan hal tersebut, dapat dilihat dari sudut Ibn Qayyim mengintegrasikan antara hadis Nabi Muhammad SAW dan ilmu perubatan seperti pendapat Ibn Sina dan tokoh-tokoh lain. Kajian ini mencadangkan agar ada kajian lain yang meneroka sinergi ilmu antara penulisan Ibn Qayyim dan sarjana perubatan moden. Kajian ini juga mencadangkan agar diteroka kajian baru berkaitan terapi bekam bagi merawat gangguan makhluk halus dan sihir.

## RUJUKAN

### Buku

- Abd al-Azim'Abd al-Salam Sharaf al-Din. (1984). *Ibn Qayyim al-Jawziyah: Asruh wa Manhajuh wa Ara'uh fi al-fiqh wa al-Aqa'id wa al-Tasawwuf*. Dar al- Qalam.
- Abdul al-Fattah Lasyin. (1982). *Ibn Qayyim Wa Hissuhu Fi Tafsir Al-Quran*. Darul Raid al-Arabi.
- Abu Daud. (2009). *Sunan Abu Daud*. Darul Salam.
- Ahmad Farid. (2006). *60 Biografi Ulama Salaf*. Pustaka al-Kausar.
- Ahmad Sunarto. (2014). *Ensiklopedi Biografi Nabi Muhammad & Tokoh Besar Islam*. Widya Cahaya.
- Al-Safadi. (2009). *Al-Wafi bil al-Wafiyat*. Muassasat al-Rayan.
- Al-Zahabi. (1988). *Mu'jam al-Mukhtass bil Al-Muhadditsin*. (1<sup>nd</sup> ed.). Maktabah as-Siddiq.
- Bakr bin Abdilllah Abu Zayd. (1423H). *Ibn Qayyim al-Jawziyyah: Hayatuh Wa Atharuh Wa Mawariduh*. (2<sup>nd</sup> ed.). Darul al-Asimah.
- Ibn Hajar. (1972). *Al-Durar al-Kaminah fi A'yan al-Mi'ah al-Thaminah*. (2<sup>nd</sup> ed.). Matba'ah Dairah al-Maarif.
- Ibn Kathir. (2018). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Darul Ibn Kathir.
- Ibn Qayyim al-Jawziyya. (1996). *Al-Salat wa Hukm Tarihiha*. Darul Ibn Hazm.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1396H). *Hidayah al-Khiyari Fi ajwibah al-Yahud wa al-Nasara*. Al-Jami'ah al-Islamiyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1429H). *al-Da' wa al-Dawa'*. Darul Alam al-Fawaid.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1971). *Tuhfah al-Maudud bi Ahkam al-Maulud*. Maktabah Darul al-Bayan.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1972). *Ibn Qayyim wa Mawqifuh Min al-Tafkir al-Islami*. Darul Tiba'ah al Muhammadhiyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1973). *Al-Fawaid Al-Mushawwiq Ila Ulum Al-Quran Wa Ilm Bayan*. Darul al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1973). *I'lam al-Muwaqqi'in an Rabb al-Alamin*. Darul al-Jayl.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1973). *Madarij al-Salikin Bayn Manazil Iyyaka Na'budu wa Iyyaka Nasta'in*. Darul Kitab al-Arabi.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1975). *Al-Ruh*. Darul Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1985). *al-Jawab al-Kafi Liman Sa'ala an- al-Dawa' al-Shafi*. Darul Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1985). *Wabil Al-Sayyib min al-Kalim al-Tayyib*. Darul Kitab Al-Arabi.
- Ibn Qayyim Al-Jawziyyah. (1987). *Jala' al-Afham fi al-Salat wa Al-Salam ala Khayr al-Anam*. Darul A-Arubah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1989). *Uddah al-sabirin wa Dhakirah al-Shakirin*. Darul Ibn Kathir.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1992). *Rawdah al-Muhibbin wa Nizhah al-Mushtaqin*. Darul Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (1994). *Tariq al-Hijratyn wa Bab al-Sa'adatayn*. Darul Ibn Jawzi.
- Ibn Qayyim Al-Jawziyyah. (1996). *Badai' Al-Fawaid*. Majma' al-Fiqh al-Islami.
- Ibn Qayyim al-jawziyyah. (1998). *Al-Sawaiq al-Mursalalah ala al-Jahmiyyah wa al-Mu'attilah*. Darul al-Asimah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (2004). *Thibbul Nabawi*. Darul Hadis
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (2010). *Hanya untukmu anakku: Panduan lengkap Pendidikan anak sejak dalam kandungan hingga dewasa*. Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (t.t) *Al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Shar'iyah*. Matba'ah al-Madani.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (t.t). *Al-Tibyan fi Aqsam al-Quran*. Muassasah al-Sa'diyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (t.t). *Hadi al-Arwah ila Bilad al-Afrah*. Matba'ah al-Madani.

- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. (t.t). *Miftah Dar al-Sa'adah wa manshur Wilayah Ilm wa al-Iradah*. Darul Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Qayyim. (1988). *Ijma' al-Juyush al-Islamiyyah ala Ghazw al-Mu'attilah wa al-Jahmiyyah*. Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Ibn Rajab, Zayn al-din Abu al-Farj Abd al-Rahman b. Shihab al-Din Ahmad al-Baghdadi. (2005). *Al-Dhayl 'ala Thabaqat al-Hanabilah*. (5<sup>th</sup> ed.). Maktabah Obekan.
- Ibnu Qayyim Al-Jawziyyah. (2000). *Zad al-Ma'ad fi Hadyi al-Khair al-Ibad*. Dar Falikh.
- Ibnu Qayyim Al-Jawziyyah. (2011). *Cerdas Ala Rasulullah SAW*. Pustaka Azzam.
- Mansyur. H. M. Laily. (1999). *Ajaran dan teladan para sufi*. PT Raja Grafindo Persada.
- Muhammad bin Isa at-Tirmidhi. (1996). *Kitab at-Tibb an Rasulillah saw. Bab Ma Ja-a fi al-Hijamah*. Dlm: Basyar al-Awwad al-Ma'ruf (Ed.), Sunan at- Tirmidhi (1<sup>nd</sup> ed.). (No. 2052). Dar al-Gharb al-Islami.
- Muhammad bin Ismail Al-Bukhāri. (2011). *Kitab at-Tibb Bab: al-Syifa'u fi Salasin*. Şahih al-Bukhāri. (No. 5681), Maktabah al-Rusydi.
- Muhammad bin Yazid bin Yazid bin Majah. (2013). *Kitab at-Tibb bab al-Hijamah*. Sunan Ibn Mājah. (No.3476). Muassasatu al-Risālah.
- Wadda' A. Umar. (2016). *Sembuh Dengan Satu Titik 2: Bekam Untuk 7 Penyakit Kronis*. THIBBIA Thibb Nabawi dan Herba.

### **Jurnal**

- Ahmad Najaa', Jahid Hj Sidek, Muhammad Khairi Mahyuddin, Abdul Rahim Zumrah, Mahyuddin Ismail, Rosidayu Sabran, Mohd Rumaizuddin Ghazali. (2018). Fenomena Kepercayaan Dan Amalan Masyarakat Melayu Dalam Perubatan Islam Di Malaysia, *Jurnal Ushuluddin Adab Dan Dakwah*, 2 (2), 155-175.
- Hakmi Hidayat, Muhammad Amiruddin, Ana Fadilia Aktifa, Mahardika Chory Haryadi, Nabila Azzahra. (2022). Terapi Bekam (Hijamah) dalam Perspektif Islam dan Medis, *PROCEEDING 2nd PLANAR: International Pharmacy Ulul Albab Conference & Seminar 2* (2), 77-84.
- Hanik Badriyah Hidayati, Mohammad Hasan Machfoed, Kuntoro, Soetojo, Budi Santoso, Suroto, Budi Utomo. (2019). Bekam Sebagai Terapi Alternatif Untuk Nyeri. *Neurona*, 36 (2), 151.
- Rizal Darwis. (2017). Pemikiran Ibnu Qoyyim al-Jauziyah Terhadap paradigma Perubahan Hukum. *Jurnal Hukum dan Ekonomi Syariah* 5 (1), 73.

### **Tesis**

- Bakhtiar Nasution. (2011). *Konsep Pendidikan Islam Menurut Ibn Qayyim: Relevansinya Dengan Pendidikan Moderen* (Publication No. 201188). Master's Thesis, Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kassim. Repository UIN-SUSKA.
- Syafiya al-Khaleda. (2018). *Terapi Hijamah (Bekam) menurut pendekatan sejarah dan sunnah*. (No. Penerbitan. 4223). Tesis Master Universitas Islam Negeri Sumatera Utara Medan. Repository UINSU.

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*